

## **SOALAN LAZIM:**

### **Pertandingan HIP Bahasa Inggeris 'StoryFest' Maxis eKelas 2021**

#### **1. Apa itu eKelas?**

Maxis eKelas adalah sebuah program komuniti perdana Maxis yang membawakan pembelajaran digital untuk semua pelajar Malaysia. Inisiatif ini bertujuan untuk menambah baik prestasi pembelajaran para pelajar dengan memberikan akses kepada kandungan pendidikan berkualiti selaras dengan Sukatan Pelajaran Malaysia. Program ini menumpukan kepada tiga mata pelajaran teras iaitu Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris dari Tahun 6 sehingga Tingkatan 5. eKelas menawarkan kombinasi tutorial secara langsung, pembelajaran secara berkumpulan dan kandungan interaktif digital yang boleh diakses dan disertai melalui portal pembelajaran atas talian kami di [www.ekelas.com.my](http://www.ekelas.com.my).

#### **2. Apa itu Pertandingan HIP Bahasa Inggeris 'StoryFest'?**

HIP (Highly Immersive Programme) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2016 dengan tujuan untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris pelajar dengan meningkatkan pendedahan mereka terhadap bahasa tersebut melalui pelbagai aktiviti di dalam dan luar kelas.

Maxis eKelas memainkan peranan untuk mewujudkan persekitaran yang menumpukan kepada penggunaan Bahasa Inggeris. Sejak 2019, pertandingan Bahasa Inggeris kami telah mendapat pengiktirafan oleh Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian KPM sebagai salah satu aktiviti di bawah HIP.

Pertandingan HIP Bahasa Inggeris 'StoryFest' ialah kombinasi modul pelajaran, bengkel dan juga pertandingan berasaskan tugas yang menumpukan kepada pertuturan/penceritaan dan penulisan esei yang memberi peluang kepada pelajar untuk mengambil bahagian bagi memenangi hadiah-hadiah yang ditawarkan oleh eKelas sekaligus mengumpul markah PAJSK atau kokurikulum di sekolah mereka.

Dengan mengambil bahagian dalam pertandingan ini, para peserta boleh meningkatkan kemahiran bertutur, bercerita serta penulisan dalam Bahasa Inggeris melalui modul pembelajaran serta bengkel kami. Setelah peserta melengkapkan modul dan video-video yang terdapat di dalam portal eKelas, mereka boleh memilih untuk membuat SALAH SATU daripada tugas-tugas berikut;

- a. Menulis esei berdasarkan tajuk-tajuk yang diberi, ATAU
- b. Merakam video pelajar bercerita mengikut sebuah skrip

### 3. Siapa yang boleh mengambil bahagian?

Pertandingan ini terbuka kepada semua pelajar Tahun 4 hingga Tingkatan 5 yang berdaftar di Maxis eKelas.

*Perhatian: Untuk pelajar, sila minta kebenaran ibu bapa/penjaga sebelum mendaftarkan diri anda di portal. Pendaftaran memerlukan alamat e-mel serta nombor telefon yang sah untuk mengaktifkan akaun.*

Peserta akan dibahagikan kepada 3 tahap:

**Tahap 1 (SEKOLAH RENDAH)** – Tahun 4 hingga Tahun 6

**Tahap 2 (MENENGAH RENDAH)** – Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3

**Tahap 3 (MENENGAH ATAS)** – Tingkatan 4 hingga Tingkatan 5

### 4. Bolehkah saya mengambil bahagian jika saya tidak mendaftar di portal eKelas?

Tidak. Semua kandungan untuk pertandingan (video, arahan, cara penyertaan) hanya dimuatnaik secara eksklusif di portal eKelas. Hanya pengguna yang berdaftar sahaja yang mempunyai akses kepada Pertandingan HIP Bahasa Inggeris ‘StoryFest’

### 5. Apakah hadiah yang ditawarkan kepada pemenang?

Pemenang 5 teratas bagi setiap Tahap 1,2 dan 3 akan memenangi hadiah wang tunai dalam bentuk deposit ke dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) dari PTPTN.

Tempat pertama	RM 400
Tempat kedua	RM 300
Tempat ketiga	RM 200

2x Hadiah sagu hati	RM 100 setiap satu
---------------------	--------------------

Semua peserta akan mendapat sijil penyertaan dari eKelas dan boleh mengumpul markah PAJSK di sekolah masing-masing untuk Penyertaan peringkat Kebangsaan. Bagi para pemenang, mereka akan juga mendapat markah Pencapaian di peringkat Kebangsaan.

*PERHATIAN: Untuk maklumat lanjut tentang markah PAJSK, sila rujuk cikgu sekolah anda.*

## 6. Bagaimana cara untuk menyertai pertandingan?

Terdapat 3 langkah yang perlu diikuti untuk menyertai pertandingan ini;

- **Langkah 1: Daftar Masuk ke dalam akaun anda di portal Maxis eKelas di <https://lms.ekelas.com.my/wp-login.php>.**
  - Sila pastikan anda memilih profil anda sebagai “Pelajar” ketika mengisi borang pendaftaran
  - Selepas Berjaya mendaftarkan diri, anda akan menerima pautan untuk mengaktifkan akaun di e-mel anda. Sila periksa inbox e-mel dan tekan pautan tersebut. Jika tidak, anda tidak boleh untuk daftar masuk portal.
  - Setelah diaktifkan, daftar masuk menggunakan nama pengguna serta kata laluan anda.
- **Langkah 2: Ikuti kesemua modul HIP Bahasa Inggeris**
  - Setelah Berjaya mendaftar masuk, klik tab “HIP StoryFest” di bahagian atas portal. Pilih peringkat anda dan klik mana-mana pelajaran yang disediakan di seksyen dan tekan “Start Course”. Akan terdapat 5 bahagian video untuk kedua-dua penceritaan serta penulisan karangan.
- **Langkah 3: Pilih dan laksanakan tajuk serta tugas yang diberikan kemudian hantar!**

Tahap kesukaran untuk tugas adalah berbeza untuk setiap peringkat seperti di bawah;

- **Tahap 1 (Sekolah Rendah)**

*Penceritaan:* “How Durian Got Its Smell” dan “Potato Child”

*Penulisan:* Penulisan bersama gambar. Syarat: Antara 80-100 patah perkataan

- **Peringkat 2 (Menengah Rendah)**

*Penceritaan:* “Si Tanggung” dan “Raja Bersiong”

*Penulisan:* Karangan berpanduan. Syarat: Lingkungan 120 patah perkataan

- **Peringkat 3 (Menegah Tinggi)**

*Penceritaan:* “Stories That Let Me Live” dan “The Robbery”

*Penulisan:* Penulisan Berterusan (Bebas). Syarat: 350 patah perkataan minimum

*Apa yang anda perlu lakukan untuk tugas penceritaan*

- Rakam diri anda bercerita berdasarkan keperluan tahap dan skrip
- Muat naik dan hantar video yang dirakam di portal eKelas atau ikut arahan Abang Portal

*Apa yang anda perlu lakukan untuk tugas penulisan*

- Tulis sebuah karangan berdasarkan syarat peringkat anda
- Muat naik dan hantar penulisan tersebut di portal eKelas atau ikut arahan Abang Portal

**7. Tempoh pertandingan dan Tarikh akhir penghantaran?**

Pertandingan akan bermula pada hari Khamis, 1 April 2021 dan berakhir Isnin, 31 May 2021.

**8. Had penghantaran untuk seorang peserta? Bolehkah saya menghantar kedua-dua tugas?**

Anda hanya boleh menghantar SATU (1) penyertaan untuk setiap tugas. Namun, jika anda memilih untuk menghantar penyertaan untuk kedua-dua tugas, kami masih akan menerima penyertaan anda dengan syarat anda hantar hanya satu untuk setiap tugas. Sila ambil perhatian sekiranya kedua-dua penyertaan anda dipilih sebagai pemenang, anda hanya akan menerima hanya hadiah untuk satu tugas dan yang mempunyai nilai hadiah tertinggi.

**9. Adakah saya perlu membuat pembayaran untuk penyertaan?**

Tiada sebarang yuran penyertaan atau pendaftaran yang dikenakan. Maxis eKelas adalah percuma buat semua pelajar untuk mendaftar, menggunakan kandungan dan menyertai program melalui portal kami.

**10. Bagaimana saya ingin tahu jika saya adalah salah seorang pemenang?**

Maxis eKelas akan mengumumkan senarai pemenang di portal eKelas dalam tempoh SATU (1) bulan selepas penutupan pertandingan atau pada tarikh lain yang diputuskan oleh Maxis eKelas.

Para pemenang akan dihubungi oleh Maxis eKelas melalui e-mel serta nombor telefon yang diberikan dalam portal eKelas.

**11. Dimana saya boleh bertanyakan soalan atau berikan maklum balas?**

Anda boleh menghantar soalan anda di portal eKelas di bawah bahagian Komuniti dan soalan itu akan dijawab oleh Pengurus Komuniti Maxis eKelas di dalam portal. Sila sebutkan @AbangPortal semasa anda menghantar soalan supaya kami boleh mengambil maklum. Sebagai alternatif, anda juga boleh menghantar e-mel soalan ke [ekelas@maxis.com.my](mailto:ekelas@maxis.com.my).